

**NO. SOALAN: 412**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**  
**[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**SOALAN :**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) alasan kerajaan masih ingin meneruskan usaha membina janakuasa tenaga nuklear sungguh pun mendapat tentangan daripada rakyat; dan
- (b) sama ada kerajaan akan mengadakan referendum bagi mendapat sokongan rakyat dalam meneruskan projek janakuasa tenaga nuklear.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

1. Sehingga kini, Kerajaan masih meneroka penggunaan tenaga nuklear sebagai sumber tenaga alternatif tetapi masih belum membuat keputusan mengenai pelaksanaannya.
2. Tenaga nuklear adalah salah satu sumber tenaga utama untuk penjanaan elektrik di dunia. Oleh yang demikian, adalah wajar penggunaannya dan sumber-sumber tenaga lain diterokai untuk keselamatan perbekalan tenaga negara yang mampan (*sustainable national energy supply security*) bagi tempoh jangka panjang, disamping membantu memenuhi sebarang obligasi negara terhadap pengurangan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas emissions*), di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.